

Melaka elak tragedi berulang

Oleh Izzali Ismail - November 6, 2023 @ 8:40pm

bhsukan@bh.com.my



Pemain Melaka berjaya mengikat Kedah 0-0 pada aksi suku akhir pertama Piala Emas Raja-Raja, Sabtu lalu. - Foto Persatuan Bolasepak Melayu Melaka.

ALOR SETAR: Kekalahan kepada PDRM pada aksi separuh akhir Piala Emas Raja-Raja musim lalu menjadi iktibar buat Melaka apabila turun melayan Kedah pada aksi suku akhir kedua, 11 November ini.

Walaupun berjaya mengikat Kedah 0-0 pada aksi suku akhir pertama di Stadium Mini Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Jitra, Sabtu lalu, pengurus Melaka, Muhammad Razali Omar Othman mengingatkan anak buahnya supaya tidak terlalu yakin apabila turun beraksi di laman sendiri.

"Kami akui sepatutnya beraksi di laman sendiri memberi kelebihan tetapi sejarah musim lalu membuatkan kami perlu berhati-hati.

"Kami tidak mahu tragedi pahit kekalahan 1-3 di peringkat separuh akhir musim lalu kepada PDRM di Stadium UtEM sekali lagi berulang musim ini," katanya.

Muhammad Razali bagaimanapun mengakui motivasi skuad Melaka kini meningkat dengan kehadiran Presiden Persatuan Bolasepak Melayu Melaka yang baharu bagi penggal 2024 hingga 2026 iaitu Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali yang juga anak kepada Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam.

"Sudah pasti aura presiden baharu ini akan menguatkan lagi semangat pasukan yang terdiri daripada anak muda Melaka berusia bawah 21 tahun ini untuk berjuang," katanya.